

23 AUG 2001

Mahathir-Polis

TINDAKAN POLIS UNTUK LINDUNGI ORANG RAMAI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata polis mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang kerana kepentingan masyarakat adalah paling utama.

Perdana Menteri berkata polis bertanggungjawab menentukan bahawa kehidupan harian berjalan seperti biasa.

"Jika ada yang halang lalulintas, menimbulkan masalah kepada orang lain, tugas polis adalah mudah. Mereka perlu hentikannya berdasarkan proses undang-undang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan Pendidikan Cheras di Stadium Badminton Kuala Lumpur hari ini.

Beliau ditanya mengenai laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang menuduh polis mencabuli hak asasi manusia semasa menyuraikan satu perhimpunan haram di Lebuhraya KESAS/Jalan Kebun tahun lepas. Laporan itu diumumkan Isnin lepas.

Dr Mahathir berkata Polis Diraja Malaysia kini terpaksa berdepan dengan Suhakam yang bermakna mereka akan sentiasa bimbang tentang apa yang akan dilaporkan mengenai mereka.

Katanya polis juga terpaksa menghadapi media barat yang akan mengikutinya mereka untuk mengambil gambar yang mereka dakwa sebagai kegunaan polis untuk memberitahu seluruh dunia bahawa polis di Malaysia adalah ganas.

"Ini akan menghalang kemampuan mereka untuk melaksanakan undang-undang. Jika kita tidak laksanakan undang-undang di negara ini atau di mana negarapun, rakyat tidak akan dilindungi.

"Katakanlah jika polis merasakan mereka tidak perlu berbuat apa-apa, biar orang ramai bertindak sesuka hati, apa akan jadi dengan kehidupan harian kita. Polis melindungi kita, mereka melaksanakan undang-undang dan menjamin ketenteraman. Mereka tidak bertindak melampaui tugas melaksanakan undang-undang," katanya.

Dalam laporannya, Suhakam menyalahkan polis kerana telah menggunakan kekerasan, merosakkan harta awam dan tidak melayani tahanan dengan baik.

Dr Mahathir berkata jika berlaku perhimpunan haram, masalah tidak akan timbul jika mereka yang terlibat bersurai jika diminta berbuat demikian oleh polis.

"Tetapi jika kita kata 'cubalah halang saya', maka polis terpaksa menggunakan kekerasan," katanya.

Perdana Menteri berkata contoh kekejaman polis berlaku dalam satu demonstrasi di luar negara apabila seorang lelaki bukan saja ditembak oleh polis tetapi dilanggar oleh kenderaan polis.

Ketika ditanya mengenai kenyataan anggota Suhakam Tan Sri Anuar Zainal Abidin semalam bahawa laporan itu didasarkan kepada fakta yang dikemukakan kepadanya dan bahawa suruhanjaya itu tidak dipengaruhi oleh pemikiran Barat, Dr Mahathir berkata: "Penilaian itu dibuat berdasarkan sikap dan nilai yang dipengaruhi oleh pemikiran Barat."

Ketika ditanya mengenai kedudukan Ketua Bahagian Umno Bukit Bintang Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno selepas beliau didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti kerana terlibat dengan politik wang, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu dikaji.

Tentang jawatan Abdul Azim selaku Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Perdana Menteri berkata: "Kita perlu fikirkan tentang itu. Ini urusan parti, bukan urusan kerajaan. Jika dia menyalahgunakan wang kerajaan, itu perkara lain."

Yayasan Pendidikan Cheras yang ditubuhkan oleh Umno Bahagian Cheras

bertujuan antara lain membantu 19 sekolah dan tadika di kawasan itu mencari sumber kewangan selain memberi biasiswa kecil kepada pelajar cemerlang daripada keluarga kurang mampu.

-- BERNAMA

MAM HS MAI